

12/05/2000

`Hubungan saya, Daim baik'

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan bahawa wujud perselisihan faham antara beliau dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Perdana Menteri berkata, laporan seumpama itu bukan perkara baru dan mula timbul sejak Daim menyertai kerajaan lagi.

"Memang sentiasa ada laporan mengenai perselisihan faham antara saya dan Tun Daim...dah beberapa lama sejak Tun Daim menyertai kerajaan. Mereka memberitahu saya bahawa beliau tidak dapat bekerjasama dengan saya tetapi pada masa krisis (ekonomi), beliau menyertai kerajaan dan membantu menyelesaikan masalah kita.

"Sebelum ini pun, memang ada cakap-cakap mengenai perkara ini tetapi beliau masih boleh senyum, berpeluk di antara satu sama lain dan kita masih menguruskan kerajaan dengan berjaya," katanya dalam sidang akhbar selepas selesai hari pertama Perhimpunan Agung Umno, di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya oleh wartawan asing sama ada pelantikan Datuk Nor Mohamed Yakcop sebagai penasihat khas kepada Perdana Menteri mengenai Hal Ehwal Kewangan baru-baru ini, menunjukkan wujud perselisihan faham antaranya dengan Daim.

Mengenai kemungkinan ada petunjuk daripada Daim bahawa beliau ingin meletak jawatan daripada Kabinet, Perdana Menteri berkata sejak dari mula dilantik sebagai menteri lagi, Daim menyatakan bahawa pelantikannya cuma bersifat sementara dan mahu mengundur diri apabila keadaan ekonomi pulih sepenuhnya.

"Beliau memberitahu saya dari awal lagi bahawa beliau akan berkhidmat dalam kerajaan hanya buat sementara kerana kekurangan yang saya miliki, kekurangan tokoh dalam bidang ini (kewangan).

"Tetapi saya percaya sebaik saja ekonomi pulih sepenuhnya, saya rasa beliau mungkin mahu meletakkan jawatan. Ini adalah syaratnya apabila menyertai kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Daim sentiasa menjelaskan pendiriannya yang beliau tidak mahu berada dalam kerajaan selama-lamanya, malah tidak seperti orang lain, Menteri Kewangan itu juga tidak bertanding sebarang jawatan dalam parti.

Ditanya sama ada kemungkinan peletakan jawatan Daim akan berlaku dalam tempoh singkat, beliau berkata ini tidak akan berlaku selagi ekonomi tidak pulih sepenuhnya.

"Saya tidak tahu. Anda doakan ekonomi pulih sepenuhnya dan mencapai pertumbuhan lapan peratus setahun, setiap tahun...(ketika itu) saya yakin beliau akan kata, itu sudah cukup buatnya dan sudah melakukan sesuatu sebelum meninggalkan kerajaan," katanya.

(END)